



17-22 SEPTEMBER 2018  
KUALA LUMPUR CONVENTION CENTRE  
KUALA LUMPUR, MALAYSIA  
[www.cepsi2018kl.org](http://www.cepsi2018kl.org)



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/04/26 (HQ)

### PRU 14: TNB ULANGI PERINGATAN BAHAYA PASANG BAHAN KEMPEN PILIHANRAYA

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** sekali lagi mengingatkan semua parti politik agar tidak memasang apa jua bentuk bahan kempen di mana-mana premis dan pepasangan elektrik milik Syarikat.

Larangan ini termasuklah menampal atau menggantung bahan-bahan kempen seperti poster, bendera dan sepanduk di menara penghantaran, tiang elektrik, peti pembekal, pencawang, tiang elektrik konkrit dan talian atas.

Menurut Ketua Pegawai Korporat TNB, Datuk Wira Roslan Ab Rahman, perbuatan ini amat berbahaya dan berisiko mengakibatkan renjatan elektrik dan percikan arka (flashover) yang bukan sahaja boleh merosakkan harta benda bahkan mengancam nyawa.

“Pemasangan yang menghalang anggota kerja TNB untuk mendapat akses, meyukarkan kerja-kerja mereka diinstalasi TNB akan sedikit sebanyak menganggu kelincinan tugas kami khususnya ketika menjalankan kerja-kerja pemulihan bekalan,” jelas Roslan.

Beliau turut mengingatkan orang ramai akan bahaya memegang, membawa atau memasang tiang bendera di bawah mana-mana pepasangan elektrik kerana ia boleh menarik arus elektrik dan menyebabkan renjatan elektrik pada mereka yang berada berhampiran.

“Justeru kami memohon kerjasama semua pihak supaya tidak memasang sebarang bahan kempen pada atau berhampiran mana-mana pepasangan elektrik bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini,” kata Roslan.

Di bawah peruntukan Seksyen 37, Akta Bekalan Elektrik 1990 (Akta 447), pelaku boleh didakwa dan jika didapati bersalah, akan didenda.

S.A. 2018/04/26 (HQ)

Katanya, TNB menerusi rondaan rutin akan menurunkan bahan kempen pilihan raya, yang berisiko menimbulkan bahaya dan masalah kepada pengguna.

Roslan turut menasihatkan orang ramai yang ternampak situasi yang boleh mengancam keselamatan orang lain atau menjaskan bekalan elektrik, supaya menghubungi Facebook TNB CareLine atau talian 15454 agar TNB boleh mengambil tindakan sewajarnya bagi mencegah perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 13 April 2018, jam 10.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /  
Nor Hanim Idris di talian 019-2617617 atau E-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*